

### Resolusi '1Malaysia' Mampu Memantapkan Peranan Mahasiswa



Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin sedang meneliti Buku Resolusi Mahasiswa 1Malaysia yang diserahkan oleh President MPP, Sesi 2008/2009, Mohd Shamsul Salleh.

**SERDANG, 10 Okt-**Resolusi Mahasiswa 1Malaysia diharapkan mampu memantapkan lagi peranan mahasiswa dalam menjayakan Konsep 1Malaysia, kata Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.

Katanya ini merupakan petanda positif yang membuktikan sokongan padu rakyat terutamanya para mahasiswa terhadap usaha-usaha kerajaan bagi mengukuhkan lagi elemen perpaduan di negara ini.

Beliau berkata sudah tiba masanya mahasiswa menjadi lebih dinamik dan berfikiran kritis, bukan sekadar mampu menghafal serta mengingati maklumat sahaja sebaliknya dapat menggunakan ilmu yang dipelajari untuk kepentingan masyarakat dan negara.

"Pelajar yang memasuki universiti bukan sahaja berusaha mendapat ilmu, tetapi perlu mendapatkan kemahiran-kemahiran yang membolehkan pelajar menghadapi cabaran dan persaingan abad ke-21.

"Saya juga percaya dalam konteks 1Malaysia ini mahasiswa wajar memainkan peranan penting menggembeling tenaga untuk memperkuatkannya jati diri dan persiapan menjadi modal insan berminda kelas pertama," katanya pada Majlis Penutupan dan Penyerahan Resolusi Mahasiswa 1Malaysia.

Pada majlis itu, pemimpin-pemimpin pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia yang bergabung di bawah kesatuan Majlis Perwakilan Pelajar Kebangsaan (MPPK) telah menyerahkan resolusi lanjutan hasil perlaksanaan program Mahasiswa Satu Malaysia (MSM) kepada Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin bagi memantapkan peranan mahasiswa dalam menjayakan konsep '1Malaysia'.

"Majlis pada hari ini adalah sebagai cerminan dan penglibatan mahasiswa-mahasiswa kita yang terdapat di pelbagai peringkat di semua universiti mengadakan pelbagai program untuk mereka menyuarakan pandangan dan input pada program ini bagi menjayakan 1Malaysia," katanya lagi.

Program ini turut mengumumkan keputusan Pertandingan Konsep 1Malaysia IPT yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Antara universiti yang memenangi pertandingan ini adalah universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak dan Universiti Tenaga Nasional.

Turut hadir, Ketua Pengarah Pejabat Pengajian Tinggi, KPT, Prof. Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KPT, Dr. Ramlie Hassan dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.



*MPP UPM memenangi Pertandingan Kertas Konsep 1Malaysia IPT(Anjuran KPT).*

---

Hak Cipta Terpelihara 2007  
Universiti Putra Malaysia